

KAJI SELIDIK PENDAPAT AWAM

disediakan oleh **KAJIDATA**RESEARCH



KAJIDATA RESEARCH

KAJIAN PERSEPSI RAKYAT DALAM MEMBANTU
USAHA KERAJAAN BAGI MERANGKA
TRANSFORMASI NASIONAL 2050

Malaysia

8 Mac - 17 Mac 2017



1.0 OBJEKTIF KAJIAN




1 Meneliti pandangan rakyat Malaysia dalam aspek budaya dan agama, sistem pendidikan dan semangat patriotik rakyat Malaysia dalam membantu kerajaan untuk merangka dasar-dasar hala tuju baru Malaysia iaitu Transformasi Nasional 2050.

2 Meneliti persepsi rakyat terhadap tahap perpaduan dikalangan penduduk di Malaysia

3 Mengukur tahap sokongan rakyat terhadap usaha kerajaan dalam memupuk semangat perpaduan dikalangan rakyatnya pada masa ini.

4 Mengenalpasti kekuatan dan kelemahan generasi pada masa ini dalam membentuk sebuah negara yang harmoni dan sejahtera.



2.0 METODLOGI KAJIAN



Populasi Kajian (N)
Terdiri daripada semua penduduk merangkumi kesemua negeri di seluruh Malaysia.

RS **Rangka Sampel**
Semua kawasan pilihan raya (222 kawasan parlimen di semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak) dan Pemilihan responden adalah berkadar kepada penduduk di setiap kawasan Parlimen


Sampel Kajian (n)
Kajian ini telah melibatkan seramai 1,025 orang responden.

TK **Tempoh Kajian (n)**
Bermula dari 8 Mac sehingga 17 Mac 2017

Kaedah Persampelan
Persampelan rawak berstrata mengikut umur, bangsa dan negeri.

SL **Skala Likert**
Soalan kajian digubal dengan menggunakan skala likert 1-5

Kaedah Perolehan Data
Temubual Secara Telefon - *Computer Aided Telephone Interviews (CATI)*



Berikut adalah Skor Pencapaian yang digunakan dalam kajian ini:-


Skor Indeks dan Status Penilaian

80.0 - 100.0: Amat Baik | 70.0 - 79.99: Baik | 50.0 - 69.99: Tidak Baik | < 50.0: Amat Tidak Baik


3.0 PROFIL DEMOGRAFI




JANTINA




UMUR



STATUS PERKAHWINAN



AGAMA




Nota: 0.6% status perkahwinan responden tidak dapat dikenalpasti

3.0 PROFIL DEMOGRAFI



BANGSA

■ % Responden Kajian
■ % Responden Sasaran




3.0 PROFIL DEMOGRAFI




Nota: 0.2% pendidikan responden tidak dapat dikenalpasti

PENDIDIKAN




Nota: 0.2% pekerjaan responden tidak dapat dikenalpasti

PEKERJAAN



PENDAPATAN




Nota: 10.8% pendapatan responden tidak dapat dikenalpasti

3.0 PROFIL DEMOGRAFI



NEGERI

Responden Kajian
Responden Sasaran



4.0 LATAR BELAKANG TN50




Transformasi Nasional 2050 atau TN50 adalah satu usaha untuk membentuk masa depan Malaysia bagi tempoh 2020 hingga 2050. Inisiatif ini akan dipacu oleh matlamat dan sasaran yang jelas selama 30 tahun, yang akan dibangunkan melalui proses perundingan dalam fasa persediaan dari tahun 2017 hingga 2019. Matlamat dan sasaran yang digariskan dalam dokumen dasar TN50 bakal diterbitkan pada awal tahun 2020.

Antara perkara-perkara di bawah TN50 - Masyarakat, Alam Sekitar, Ekonomi, Teknologi, Urustadbir



4.1 MAKSUD PERPADUAN DIKALANGAN RAKYAT MALAYSIA



Soalan: Pada pandangan anda, apakah maksud perpaduan?


4.0 HASIL KAJIAN




4.1.1 MAKSUD PERPADUAN DIKALANGAN RAKYAT MALAYSIA MENGIKUT PROFIL DEMOGRAFI

- Bersatu padu + Bekerjasama
- Bermasyarakat + Harmoni
- Bertolak ansur


JANTINA




UMUR



AGAMA



STATUS PERKAHWINAN




Soalan: Pada pandangan anda, apakah maksud perpaduan?



4.1.1 MAKSUD PERPADUAN DIKALANGAN RAKYAT MALAYSIA MENGIKUT PROFIL DEMOGRAFI

BANGSA

- Bersatu padu + Bekerjasama
- Bermasyarakat + Harmoni
- Bertolak ansur



Soalan: Pada pandangan anda, apakah maksud perpaduan?


4.0 HASIL KAJIAN




4.1.1 TAHAP PENCAPAIAN PERPADUAN RAKYAT MALAYSIA MELALUI SISTEM PENDIDIKAN MENGIKUT PROFIL DEMOGRAFI

- Bersatu padu + Bekerjasama
- Bermasyarakat + Harmoni
- Bertolak ansur


PENDIDIKAN



PEKERJAAN



PENDAPATAN



Soalan: Pada pandangan anda, apakah maksud perpaduan?


4.0 HASIL KAJIAN



4.1.1 TAHAP PENCAPAIAN PERPADUAN RAKYAT MALAYSIA MELALUI SISTEM PENDIDIKAN MENGIKUT PROFIL DEMOGRAFI

NEGERI

- Bersatu padu + Bekerjasama
- Bermasyarakat + Harmoni
- Bertolak ansur



Soalan: Pada pandangan anda, apakah maksud perpaduan?




4.2. BERBANGGA HIDUP DALAM PELBAGAI ETNIK DAN BUDAYA DI MALAYSIA

- Sangat berbangga
- Agak berbangga
- Sederhana/ Neutral
- Agak tidak berbangga
- Sangat tidak berbangga

92.8%

Daripada rakyat Malaysia berbangga hidup dikalangan pelbagai etnik dan budaya di Malaysia



2.2%

Telah menyatakan tidak berbangga hidup di dalam pelbagai etnik dan budaya yang dijalankan di negara kita pada masa ini.


Soalan: Sejauh manakah anda berbangga hidup dikalangan pelbagai etnik dan budaya yang ada di Malaysia?



4.3 MENGHORMATI BUDAYA LAIN SELAIN BUDAYA SENDIRI

- Sangat menghormati
- Agak menghormati
- Sederhana/ Neutral
- Agak tidak menghormati
- Sangat tidak menghormati

96.9%
Daripada rakyat Malaysia
hidup dalam saling hormat
menghormati budaya lain
selain budaya mereka
sendiri



0.6%
Menunjukkan tidak
menghormati budaya lain
selain budaya dia sendiri


Soalan: Sejauh manakah anda menghormati budaya lain selain budaya anda sendiri?



4.4 PERSETUJUAN TERHADAP AGAMA ISLAM ADALAH AGAMA RASMI DI MALAYSIA

- Sangat bersetuju
- Agak bersetuju
- Sederhana/ Neutral
- Agak tidak bersetuju
- Sangat tidak bersetuju

82.5%
Daripada rakyat Malaysia
menerima bahawa agama
Islam adalah agama rasmi di
Malaysia



10.7%
Tidak bersetuju agama
Islam adalah agama rasmi
di Malaysia


Soalan: Sejauh manakah anda bersetuju terhadap agama Islam adalah agama rasmi di Malaysia?



4.5 PERSETUJUAN TERHADAP KEBEBASAN BERAGAMA DI MALAYSIA

- Sangat bersetuju
- Agak bersetuju
- Sederhana/ Neutral
- Agak tidak bersetuju
- Sangat tidak bersetuju

80%
Daripada rakyat Malaysia
bersetuju dengan
kebebasan beragama yang
diamalkan secara aman di
Malaysia sekarang ini



11.4%
Tidak bersetuju dengan
kebebasan beragama yang
diamalkan sekarang ini.


Soalan: Sejauh manakah anda bersetuju terhadap kebebasan agama yang diamalkan secara aman di Malaysia sekarang ini?



4.6 MERAIKAN PERAYAAN AGAMA LAIN SELAIN PERAYAAN AGAMA SENDIRI

- Sangat meraikan
- Agak meraikan
- Sederhana/ Neutral
- Agak tidak meraikan
- Sangat tidak meraikan

72.7%
Daripada rakyat Malaysia
telah meraikan perayaan
agama lain selain perayaan
mereka sendiri



17.7%
Tidak meraikan perayaan
agama lain

Soalan: Sejauh manakah anda akan meraikan perayaan agama lain selain perayaan agama anda sendiri?




4.7 PERSETUJUAN TERHADAP JIRAN SETEMPAT SEHARUSNYA SEBANGSA SESAMA SENDIRI

- Sangat bersetuju
- Agak bersetuju
- Sederhana/ Neutral
- Agak tidak bersetuju
- Sangat tidak bersetuju

19.3%

Daripada responden kajian mementingkan jiran setempat mereka seharusnya sebangsa dengan mereka



72.6%

Daripada rakyat Malaysia tidak mementingkan jiran setempat mereka adalah sebangsa dengan mereka

Soalan: Sejauh manakah anda bersetuju bahawa jiran anda seharusnya sebangsa dengan anda?




4.8 GALAKKAN ANAK/KELUARGA UNTUK BERKAWAN DENGAN BANGSA LAIN SELAIN BANGSA SENDIRI

- Sangat menggalakkan
- Agak menggalakkan
- Sederhana/ Neutral
- Agak tidak menggalakkan
- Amat tidak menggalakkan

95.7%

Memberikan galakkan kepada anak-anak atau keluarga mereka untuk berkawan dengan bangsa lain selain bangsa mereka sendiri



1.5%

Tidak memberikan galakkan kepada anak-anak atau keluarga mereka untuk berkawan dengan bangsa lain

Soalan: Sejauh manakah anda menggalakkan anak-anak/keluarga anda untuk berkawan dengan bangsa lain selain bangsa anda sendiri?




4.9 SOKONGAN TERHADAP GENERASI SEKARANG INI PERLU BERGAUL ANTARA SATU SAMA LAIN TANPA MENGIKIR BANGSA

- Sangat menyokong
- Agak menyokong
- Sederhana/ Neutral
- Agak tidak menyokong
- Sangat tidak menyokong

94.6%

Menyokong anak-anak generasi sekarang ini perlu bergaul antara satu sama lain tanpa mengira warna kulit dan agama bagi memupuk semangat perpaduan dikalangan rakyat Malaysia



2.5%

Tidak menyokong anak-anak generasi sekarang ini perlu bergaul antara satu sama lain tanpa mengira warna kulit dan agama


Soalan: Sejauh manakah anda menyokong anak-anak generasi sekarang ini perlu bergaul antara satu sama lain tanpa mengira warna kulit dan agama bagi memupuk semangat perpaduan dikalangan rakyat Malaysia?



4.10 KESANGGUPAN UNTUK BERJUANG DEMI NEGARA SENDIRI

- Amat sanggup
- Agak sanggup
- Tidak pasti
- Agak tidak sanggup
- Amat tidak sanggup

93.5%
Daripada rakyat Malaysia menunjukkan kesanggupan mereka untuk berjuang demi negara mereka sendiri



2%
Menunjukkan tidak sanggup untuk berjuang demi negara sendiri


Soalan: Sejauh manakah anda sanggup berjuang demi negara anda sendiri?



5.1 PERSETUJUAN BAHASA MELAYU MAMPU UNTUK MEMUPUK SEMANGAT PERPADUAN DIKALANGAN RAKYAT MALAYSIA

- Sangat bersetuju
- Agak bersetuju
- Sederhana/ Neutral
- Agak tidak bersetuju
- Sangat tidak bersetuju

80.9%
Daripada rakyat Malaysia bersetuju Bahasa Melayu mampu untuk memupuk semangat perpaduan dikalangan rakyat Malaysia




12.2%
Telah menunjukkan tidak bersetuju bahawa Bahasa Melayu mampu untuk memupuk semangat perpaduan dikalangan rakyat Malaysia



5.2 SOKONGAN USAHA KERAJAAN DALAM MENYAMBUT SEMUA PERAYAAN BAGI MEMUPUK SEMANGAT KEHARMONIAN DI MALAYSIA

- Sangat menyokong
- Agak menyokong
- Sederhana/ Neutral
- Agak tidak menyokong
- Sangat tidak menyokong

88.1%
Telah menyokong usaha kerajaan dalam menyambut semua perayaan bagi memupuk semangat keharmonian di Malaysia



5%
Tidak menyokong usaha kerajaan dalam menyambut semua perayaan di Malaysia

Soalan: Sejauh manakah anda menyokong usaha kerajaan dalam menyambut semua perayaan bagi memupuk semangat keharmonian di Malaysia?




5.3 SOKONGAN TERHADAP KEPELBAGAIAN JENIS SEKOLAH PADA MASA INI

- Sangat menyokong
- Agak menyokong
- Sederhana/ Neutral
- Agak tidak menyokong
- Sangat tidak menyokong

75.1%

Telah menunjukkan sokongan terhadap kepelbagaian jenis sekolah yang ada pada masa ini



15.9%

Tidak menyokong kepelbagaian jenis sekolah yang ada pada masa ini bagi memupuk semangat perpaduan

Soalan: Sejauh manakah anda menyokong kepelbagaian jenis sekolah yang ada pada masa ini bagi memupuk semangat perpaduan dikalangan rakyat Malaysia?




5.4 SOKONGAN TERHADAP MENYELARASKAN FORMAT SATU JENIS SEKOLAH SAHAJA DI MALAYSIA

- Sangat menyokong
- Agak menyokong
- Sederhana/ Neutral
- Agak tidak menyokong
- Sangat tidak menyokong

41.4%

Telah menyokong untuk kerajaan dalam menyelaraskan dan membentuk format satu jenis sekolah sahaja bagi memupuk semangat perpaduan dikalangan rakyat Malaysia



47.4%

Tidak menyokong untuk kerajaan menyelaraskan dan membentuk format satu jenis sekolah sahaja di Malaysia

Soalan: Sejauh manakah anda menyokong kerajaan perlu menyelaraskan dan membentuk format satu jenis sekolah sahaja bagi memupuk semangat perpaduan dikalangan rakyat Malaysia?




5.5 SOKONGAN USAHA KERAJAAN DALAM MEMBERIKAN BIASISWA PENDIDIKAN KEPADA SEMUA BANGSA

- Sangat menyokong
- Agak menyokong
- Sederhana/ Neutral
- Agak tidak menyokong
- Sangat tidak menyokong

82.4%

Daripada rakyat Malaysia telah menunjukkan sokongan terhadap usaha kerajaan dalam memberikan biasiswa pendidikan kepada anak-anak bangsanya tanpa mengira warna kulit dan agama



10.8%

Tidak menyokong usaha kerajaan dalam memberikan biasiswa pendidikan kepada anak-anak bangsanya tanpa mengira warna kulit dan agama

Soalan: Sejauh manakah anda menyokong usaha kerajaan dalam memberikan biasiswa pendidikan kepada anak-anak bangsanya tanpa mengira warna kulit dan agama bagi memupuk semangat perpaduan dikalangan rakyat Malaysia?

6.0 KESIMPULAN



Kajian Persepsi Rakyat Terhadap Perpaduan dan Kesejahteraan Rakyat Malaysia adalah merupakan satu kajian untuk **melihat persepsi rakyat terhadap gambaran sebenar yang dihadapi oleh rakyat Malaysia bagi membantu pihak kerajaan dalam merangka dasar hala tuju baru selepas Wawasan 2020, iaitu Transformasi Nasional 2050**. Kajian ini telah melibatkan seramai **1,025 orang responden** yang mewakili daripada semua negeri di Malaysia berdasarkan populasi sebenar rakyat Malaysia dengan menggunakan kaedah pensampelan rawak berstrata. Kajian ini telah dijalankan pada 8 Mac sehingga 17 Mac 2017 dan mengumpulkan data dengan menggunakan kaedah temubual melalui telefon atau *Computer Aided Telephone Interviews (CATI)*. Hasil kajian dapat disimpulkan seperti berikut:-

Hasil kajian telah melibatkan seramai 729 (71.1%) responden lelaki dan 296 responden perempuan (28.9%) yang terdiri daripada 58% daripada bangsa Melayu, 23.2% daripada bangsa Cina, 7.5% daripada bangsa India, 10.3% daripada Bumiputera Sabah & Sarawak dan selebihnya (1%) daripada bangsa Orang Asli dan lain-lain bangsa.

1. Secara umumnya, rakyat Malaysia lebih mendefinisikan perpaduan itu adalah **masyarakat yang bersatu padu dan bekerjasama** diantara satu sama lain (37.4%) dan **hidup bermasyarakat pelbagai kaum dengan secara harmoni** (32%).
2. Melalui hasil kajian mendapati bahawa **92.8% daripada responden yang terlibat telah menunjukkan mereka berbangga hidup dikalangan pelbagai etnik dan budaya** di Malaysia pada masa ini manakala 2.2% yang lain pula lebih cenderung untuk menyatakan sebaliknya.
3. Selain itu, **96.9% daripada responden yang terlibat juga telah menyuarakan mereka hidup dalam budaya saling hormat menghormati di antara satu sama lain** manakala hanya 0.6% sahaja yang cenderung untuk menyatakan sebaliknya.
4. Melalui hasil kajian menunjukkan **82.5% daripada rakyat Malaysia bersetuju bahawa agama Islam adalah agama rasmi di Malaysia** manakala 10.7% yang lain pula lebih cenderung untuk menyatakan sebaliknya. Hasil perincian mendapati jelas menunjukkan bangsa Melayu (99.3%) lebih cenderung untuk bersetuju dalam perkara ini manakala bangsa India lebih dilihat untuk melatakan peratusan yang rendah untuk bersetuju dalam menyatakan agama Islam adalah agama rasmi di Malaysia.



5. Sebanyak **80% daripada rakyat Malaysia juga dilihat telah bersetuju dengan kebebasan beragama yang diamalkan secara aman di Malaysia** sekarang ini manakala 11.4% yang lain pula dilihat tidak bersetuju dengan kebebasan beragama yang diamalkan pada masa ini. Hasil perincian mendapati kesemua bangsa telah memberikan persepsi yang positif dalam perkara ini manakala hanya bangsa India sahaja yang lebih cenderung untuk menyatakan sebaliknya.
6. Daripada hasil analisis juga mendapati **72.7% daripada rakyat Malaysia telah dilihat turut meraikan perayaan agama lain selain perayaan mereka sendiri** manakala 17.7% yang lain pula lebih dilihat untuk tidak meraikan perayaan agama lain. Hasil perincian jelas menunjukkan kesemua bangsa telah meraikan perayaan agama lain kecuali bangsa Melayu yang lebih dilihat meletakkan peratusan terendah untuk meraikan perayaan agama lain selain agama mereka sendiri.
7. Melalui hasil kajian telah menunjukkan **72.6% daripada rakyat Malaysia tidak mementingkan jiran setempat mereka adalah sebangsa dengan mereka** manakala 19.3% yang lain pula lebih cenderung untuk mementingkan jiran setempat mereka seharusnya sebangsa mereka sendiri. Analisis mendapati bangsa Cina (88.6%), Bumiputera Sabah (88.7%) dan Bumiputera Sarawak (90.7%) lebih menunjukkan mereka tidak mementingkan jiran setempat mereka berbanding bangsa lain.
8. Hasil kajian telah mendapati **95.7% daripada rakyat Malaysia memberikan galakkan kepada anak-anak atau keluarga mereka untuk berkawan dengan bangsa lain selain bangsa mereka sendiri** manakala hanya 1.5% yang lain sahaja lebih cenderung untuk menyatakan sebaliknya.
9. Selain itu, hasil kajian juga mendapati **94.6% telah menyokong bahawa anak-anak generasi sekarang ini perlu bergaul antara satu sama lain tanpa mengira warna kulit dan agama** bagi memupuk semangat perpaduan dikalangan rakyat Malaysia manakala 2.5% yang lain pula lebih cenderung untuk menyatakan sebaliknya.



10. Tambahan pula, **93.5% daripada rakyat Malaysia telah menunjukkan kesanggupan mereka untuk berjuang demi negara Malaysia** manakala hanya 2% yang lain pula lebih cenderung untuk menyatakan sebaliknya.
11. Daripada hasil kajian sokongan rakyat terhadap usaha kerajaan dalam memupuk semangat perpaduan dikalangan rakyatnya mendapati **80.9% telah bersetuju bahawa Bahasa Melayu mampu untuk memupuk semangat perpaduan dikalangan rakyat Malaysia** manakala hanya 12.2% sahaja yang dilihat untuk menyatakan sebaliknya. Bangsa Melayu (93.9%) dan Bumiputera Sabah (80.6%) lebih dilihat untuk bersetuju untuk menyatakan Bahasa Melayu mampu memupuk perpaduan manakala bangsa India (39%) pula lebih cenderung untuk meletakkan peratusan yang terendah dalam perkara ini.
12. Melalui hasil kajian juga mendapati **88.1% telah menunjukkan sokongan terhadap usaha kerajaan dalam menyambut semua perayaan di Malaysia** bagi memupuk semangat keharmonian dikalangan rakyatnya manakala hanya 5% sahaja yang dilihat untuk menyatakan sebaliknya. Analisis mendapati bangsa Cina (92%), Bumiputera Sabah (96.8%) dan Bumiputera Sarawak (97.7%) lebih menunjukkan sokongan terhadap usaha kerajaan dalam menyambut semua perayaan di Malaysia manakala bangsa India (75.3%) pula lebih cenderung untuk meletakkan peratusan yang terendah dalam perkara ini.
13. Selain itu, hasil kajian juga mendapati sebanyak **75.1% telah menunjukkan sokongan terhadap kepelbagaian jenis sekolah** yang ada pada masa ini manakala 15.9% pula lebih cenderung untuk tidak menyokong kepelbagaian jenis sekolah yang dijalankan pada masa ini. Hasil analisis mendapati bangsa Cina (81.5%) dan Bumiputera Sabah (82.3%) lebih meletakkan peratusan yang tertinggi dalam menyokong usaha kerajaan dalam menyediakan kepelbagaian jenis sekolah pada masa ini dalam memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia dan bangsa Melayu (71.7%) juga telah dilihat memberikan pandangan yang positif dalam perkara ini.
14. Daripada hasil kajian telah mendapati **82.4% telah menyokong terhadap usaha kerajaan dalam memberikan biasiswa pendidikan kepada anak-anak bangsanya tanpa mengira warna kulit dan agama** manakala 10.8% yang lain pula lebih cenderung untuk menyatakan sebaliknya. Hasil perincian telah mendapati semua bangsa lebih dilihat untuk menyokong usaha kerajaan dalam memberikan biasiswa pendidikan kepada anak-anak bangsanya.



15. Secara keseluruhannya, **perpaduan rakyat Malaysia telah dilihat berada pada tahap yang baik dalam aspek Budaya di Malaysia**. Selain itu, perpaduan melalui **aspek Agama pula telah menunjukkan rakyat Malaysia telah memberikan persepsi yang positif terhadap perkara 2 di dalam Perlembagaan Malaysia yang menekankan bahawa agama Islam adalah agama rasmi di Malaysia dan kebebasan beragama yang di amalkan di negara kita pada masa ini**. Rakyat Malaysia juga telah memberikan persepsi yang positif dalam turut meraikan perayaan agama lain selain agama mereka sendiri kecuali **bangsa Melayu yang dilihat kurang memberikan sokongan dalam turut meraikan perayaan agama lain** berikutan sensitiviti kepercayaan agama Islam yang dipegangnya selama ini.
16. **Sokongan rakyat terhadap usaha kerajaan dalam memupuk semangat perpaduan** pula telah dilihat positif di kalangan rakyat Malaysia pada masa ini kecuali dalam **aspek kepelbagaian sekolah** yang dijalankan pada masa ini. Jelas menunjukkan bangsa Melayu dan India masih lagi dilihat memberikan pandangan yang positif tetapi sumbangan peratus dalam sokongan tersebut dilihat rendah berbanding bangsa lain. Perkara ini perlu dilihat dan dikaji oleh pihak berwajib dengan lebih mendalam supaya perpaduan dalam sistem pendidikan pada masa akan datang dapat diterima oleh semua golongan bangsa.
17. Daripada hasil analisis juga mendapati **semangat kejiranan rakyat Malaysia perlu di perhalusi** supaya semangat perkauman dapat diatasi pada masa akan datang. Berdasarkan hasil kajian, hanya bangsa Cina, Bumiputera Sabah dan Bumiputera Sarawak sahaja yang dilihat memberikan persepsi yang sangat positif dalam tidak mementingkan jiran mereka adalah sebangsa mereka sendiri manakala **bangsa Melayu (25.6%) dan India (19.5%) masih lagi dilihat mementingkan bangsa mereka sendiri** untuk berjiran dengan mereka.



HUBUNGI KAMI

KAJIDATA RESEARCH SDN. BHD.
46-2, JALAN PJU 5/20D
THE STRAND, KOTA DAMANSARA
47810 PETALING JAYA
SELANGOR, MALAYSIA

T. +6037610 2084
F. +6037610 2089

WWW.KAJIDATA.COM